



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.kpk.gov.my

SIARAN MEDIA

BEKALAN BERAS SEBAGAI MAKANAN RUJI NEGARA MENCUKUPI

PUTRAJAYA, 8 APRIL 2024 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberikan jaminan bahawa **bekalan beras sebagai makanan ruji negara** di pasaran adalah mencukupi untuk keperluan rakyat Malaysia. Pada masa ini, pengedaran stok beras putih tempatan (BPT) sedang giat dijalankan dan penurunan harga beras putih import (BPI) di antara RM2.00 hingga RM3.00 turut dilaksanakan bagi menampung keperluan para pengguna seperti yang dimuktamadkan melalui Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) bulan lalu.

Sehingga kini, stok fizikal beras negara adalah sebanyak **1,096,964 tan metrik** termasuk 290,000 tan metrik stok penimbal beras. Bagi maksud keterjaminan bekalan beras negara, jumlah tersebut adalah stabil serta mampu menampung keperluan untuk **tempoh 5.48 bulan**. Tambahan pula, jumlah stok fizikal beras negara berbanding jumlah penduduk adalah **antara yang tertinggi dan terjamin di rantau ini**. Kerajaan turut melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menjamin peningkatan pengeluaran beras tempatan khususnya melalui **12 Inisiatif Gelombang Padi**. Antara yang dirangka adalah peluasan program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) Ala Sekinchan, program penanaman padi 5 musim untuk 2 tahun dan inisiatif memperkukuh infrastruktur pengairan sawah.

KPKM juga menggalakkan penanaman dan pengambilan hasil tanaman-tanaman lain yang bernutrisi dan sihat oleh rakyat selain daripada makanan ruji negara. Perkara ini adalah antara penekanan utama KPKM dalam melaksanakan agenda keterjaminan makanan negara selaras dengan Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2021-2030.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

8 APRIL 2024